

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Petikan dan grafik di bawah berkaitan dengan belajar secara berkumpulan.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang belajar secara berkumpulan.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Belajar secara Berkumpulan



Manusia ialah makhluk sosial yang perlu sentiasa berinteraksi bagi mencapai matlamat dan cita-cita pembentukan masyarakat. Belajar secara berkumpulan merupakan salah satu strategi belajar yang berkesan. Cara belajar dalam kumpulan telah terbukti membuahkan sesuatu yang positif kepada setiap ahli dalam kumpulan yang dibentuk. Bagi memastikan belajar secara berkumpulan menjadi efektif, beberapa syarat perlu dipatuhi. Kelebihan belajar secara berkumpulan:

- Pembelajaran secara sistematik dan menyeluruh
- Mewujudkan rasa peka dalam kalangan ahli kumpulan
- Setiap ahli mendapat manfaat secara kolektif
- Wadah berkesan untuk mendapatkan maklumat tambahan

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 300 hingga 500 patah perkataan.

1

Kuala Lumpur: Hujan lebat yang turun lebih dua jam bermula petang tadi menyebabkan beberapa buah kawasan di ibu kota dilanda banjir kilat. Jalan-jalan utama yang dinaiki air telah menyebabkan jalan tersebut tidak boleh dilalui kenderaan ringan. Kebanyakan longkang dipenuhi sampah. Bahkan di bandar besar ini, banyak berlakunya pembangunan yang tidak terkawal. Oleh itu, langkah pencegahan wajar diambil bagi mengelakkan kejadian yang lebih buruk.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Harian Metro*, 9 September 2020

Petikan berita di atas menyatakan bahawa banjir kilat sering melanda Kuala Lumpur walaupun hujan lebat dalam masa beberapa jam sahaja.

Jelaskan punca-punca yang menyebabkan berlakunya banjir kilat.

2

Tanggungjawab memelihara kemerdekaan dan kehormatan negara bukanlah tanggungjawab pihak-pihak tertentu, seperti para pemimpin, atau pegawai kerajaan, ataupun pihak tentera dan polis semata-mata. Remaja merupakan tunjang utama kepada kemajuan negara. Oleh itu, remaja perlu menuntut ilmu bagi memelihara kemerdekaan negara. Malahan mereka perlu menjauhi gejala negatif agar imej negara terpelihara.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Perutusan Hari Kebangsaan yang ke-26, 30 Ogos 1983

Berdasarkan ucapan Perdana Menteri ketika sambutan Hari Kebangsaan di atas, setiap individu memainkan peranan yang penting untuk memelihara kemerdekaan negara.

Jelaskan peranan anda sebagai remaja untuk memelihara kemerdekaan negara.

3

Penerapan aspek Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah diperkenalkan pada tahun 2000 dalam subjek Bahasa Melayu. Tujuan utama penerapan Komsas adalah untuk membudayakan amalan membaca dalam kalangan murid. Melalui Komsas ini juga murid dapat memperoleh banyak pengajaran yang bernilai. Oleh itu, Komsas ini patut diterapkan kepada semua murid.

Sumber: Internet

Petikan di atas menyatakan maklumat tentang penerapan aspek Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Bincangkan kebaikan-kebaikan mempelajari Komsas.

4

Jumlah pengangguran di negara kita telah meningkat kepada lima peratus pada April 2020, lebih tinggi berbanding dengan 3.9 peratus pada bulan Mac 2020. Kesan wabak COVID-19 ini menjadikan kumpulan belia sebagai kumpulan yang paling kurang bernasib baik. Oleh itu, pihak kerajaan telah menjalankan pelbagai program berbentuk kemahiran kepada belia. Dalam pada itu, kerajaan turut menawarkan pengurusan pembiayaan perniagaan kepada belia agar mereka menjalankan perniagaan sendiri.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *BH online*, 27 Jun 2020

Petikan akhbar menyatakan bahawa kadar pengangguran dalam kalangan belia semakin meningkat.

Jelaskan usaha-usaha yang harus dilakukan untuk memastikan masalah pengangguran dalam kalangan belia dapat dikurangkan.